

MINIT
MESYUARAT BAGI MEMBINCANGKAN PERSEDIAAN PELAN KONTIGENSI
PERAYAAN PELABUHAN KLANG SEMPENA
PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019 (5-6 JUN 2019)

TARIKH : 24 MEI 2019

MASA : 3.00 PETANG

TEMPAT : BILIK SAMUDERA
LEMBAGA PELABUHAN KELANG

PENGERUSI: EN. S. KUMARESEN
PENGURUS (PUSAT SEHENTI)

KEHADIRAN

BIL.	NAMA	ORGANISASI
1.	Tn. Lee Wai Leong	Lembaga Pelabuhan Kelang
2.	En. Mohd. Azuan Mohamad Paudzi	Lembaga Pelabuhan Kelang
3.	En. Amir Qair bin Ismail	Lembaga Pelabuhan Kelang
4.	En. Mohd. Syazwan bin Abd. Razak	Lembaga Pelabuhan Kelang
5.	En. Nir Rahim bin Adnan	Lembaga Pelabuhan Kelang
6.	Pn. Haslina binti Ahmad	Lembaga Pelabuhan Kelang (Pencatat Minit)
7.	Tn. Shamsudin bin Sidek	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Zon Bebas Pelabuhan Barat)
8.	Pn. Hazalina binti Mohamed Radzuan	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Zon Bebas Pelabuhan Barat)
9.	Tn. Mohd. Zain bin Bakar	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Zon Bebas Pelabuhan Utara)
10.	Tn. Mohd. Fauzi bin Ismail	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Import/Ekpsort Pelabuhan Utara)
11.	Tn. Zulkifle bin Ali	Jabatan Pengangkutan Jalan (Negeri Selangor)
12.	Tn. Mohamed Rizal bin Ramli	Jabatan Imigresen Pelabuhan Klang
13.	Tn. Noorazam bin Md. Apandi	Polis Marin Pelabuhan Klang
14.	En. Shahrol Asreen bin Bahrin	Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang
15.	En. Khairul Ariffin bin Mohamed	Farmasi Pelabuhan Barat
16.	Tn. Mohd. Amir Hashimi bin Hasshim	MAQIS Pelabuhan Barat

BIL.	NAMA	ORGANISASI
17.	Tn. Ab. Rauf bin Mohamed	MAQIS Pelabuhan Utara
18.	Pn. Maskurah binti Muhammad Ali	MAQIS Pelabuhan Selatan
19.	Tn. Ramli bin Mohamad Khanifiah	MTIB Wilayah Tengah
20.	Tn. Asri bin Draman	MTIB Wilayah Tengah
21.	En. Adam bin Haji Ali	Jabatan Laut Wilayah Tengah
22.	Tn. Mohd. Hairi bin Abd. Ghani	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Negeri Selangor)
23.	En. Mohd. Salmi bin Yahya	Lembaga Lebuhraya Malaysia
24.	En. Zakwan bin Deraman	Northport Malaysia Bhd.
25.	En. R. Padmakumar	Westports (Malaysia) Sdn. Bhd.
26.	Tn. Muhamad Najib bin Hussain	Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.
27.	En. Mohd. Hanif bin Abd. Ghani	Association of Malaysian Haulier (AMH)
28.	En. Muhd. Nur bin Azmi	Association of Malaysian Haulier (AMH)
29.	En. Samuel Tan	Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)
30.	En. Jeremy Chew	Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)
31.	Y. Bhg. Dato' Loo Son Yong	Malaysia Shipowners' Association (MASA)
32.	En. S. H. Ang	Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA)
33.	En. W. K. Teh	Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA)

TIDAK HADIR

BIL.	ORGANISASI
1.	Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia
2.	Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan Malaysia
3.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
4.	SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
5.	Telekom Malaysia Berhad
6.	Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.

7.	Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
8.	Central Region Shipping Association (CRSA)
9.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
10.	Shipping Association Malaysia (SAM)
11.	Persatuan Pengusaha Depoh Kontena

1. KATA-KATA ALUAN PENERUSI

- 1.1. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran ke mesyuarat pada hari ini dengan ucapan selamat petang dan salam sejahtera. Beliau memaklumkan persediaan Pelan Kontigensi Perayaan bagi Cuti Perayaan Hari Raya Aidilfitri pada 5 dan 6 Jun 2019 merupakan inisiatif Lembaga Pelabuhan Kelang untuk memudahcara dan melancarkan operasi pelabuhan sepanjang cuti perayaan.
- 1.2 Beliau juga memaklumkan jadual bertugas serta pegawai-pegawai yang boleh dihubungi sepanjang tarikh-tarikh yang terlibat bermula dari 3 hingga 8 Jun 2019 telahpun dikemaskini dalam laman web LPK di pautan <http://pkapp.pka.gov.my/contigencyplan/loginanc.php>.

2. PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN

2.1 Taklimat bagi Agensi-agensi Kerajaan Yang Lain

- 2.1.1 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Agensi Kerajaan lain juga adalah seperti yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019) seperti yang telah disediakan bagi agensi-agensi berikut:-

- i. Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang;
- ii. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Pelabuhan Utara, Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Barat);
- iii. Lembaga Lebuhraya Malaysia;
- iv. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- v. MTIB Wilayah Tengah;
- vi. Jabatan Perkhidmatan Pengujian SIRIM QAS International Sdn. Bhd.;
- vii. MAQIS Pelabuhan Barat;
- viii. MAQIS Pelabuhan Selatan;
- ix. MAQIS Pelabuhan Utara;
- x. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Northport;
- xi. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Westports;
- xii. Jabatan Laut Wilayah Tengah;

- xiii. Jabatan Imigresen Malaysia;
- xiv. Markas Operasi Pasukan Polis Marin;
- xv. Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor;
- xvi. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia; dan
- xvii. Telekom Malaysia.

2.1.2 Tuan Pengerusi memaklumkan ada beberapa agensi yang beroperasi 24 jam seperti berikut:-

- i. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Pelabuhan Utara, Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Barat);
- ii. Lembaga Lebuhraya Malaysia;
- iii. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- iv. MAQIS Pelabuhan Barat;
- v. MAQIS Pelabuhan Selatan;
- vi. MAQIS Pelabuhan Utara;
- vii. Jabatan Laut Wilayah Tengah;
- viii. Jabatan Imigresen Malaysia;
- ix. Markas Operasi Pasukan Polis Marin;
- x. Telekom Malaysia.

2.1.3 Tuan Pengerusi memaklumkan bagi Agensi Kerajaan yang 'on-call' dan tutup pada 5-6 Jun 2019, pihak industri diminta untuk memohon pemeriksaan lebih awal bagi melancarkan operasi.

2.1.4 Tuan Pengerusi memaklumkan telah menerima Surat Makluman daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Veterinar WP Kuala Lumpur untuk makluman dan tindakan industri logistik seperti berikut:-

- i. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Putrajaya mengenai pengeluaran permit yang dipohon di peringkat / 'branch' Putrajaya tidak akan diproses dari 4 hingga 9 Jun 2019. Permit akan diproses semula pada 10 Jun 2019 (Isnin).
- ii. Jabatan Veterinar WP Kuala Lumpur mengenai penutupan kaunter permit Luar Negara dan Dalam Negara ditutup mulai 1 hingga 9 Jun 2019 dan beroperasi seperti biasa pada 10 Jun 2019.

Makluman

2.1.5 Tuan Pengerusi memaklumkan kedua-dua surat ini akan dimuat naik ke dalam laman web LPK Pelan Kontigensi pada kadar segera.

Tindakan: Sekretariat

2.2 Taklimat bagi Operator Terminal, Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. dan Westports Distripark

2.2.1 Tuan Pengerusi memaklumkan Jadual seperti yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019) seperti yang telah disediakan:-

- i. Northport Malaysia Bhd.;
- ii. Westports Malaysia Sdn. Bhd.;
- iii. Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.; dan
- iv. Pos Logistics Bhd. (Westports Distripark)

2.2.2 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak LPK telah mengeluarkan Surat Makluman mengenai penutupan operasi kontena dan konvensional Pelabuhan di Pelabuhan Klang (Northport dan Westports) pada Hari Raya pertama dari jam 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengahari (4 jam sahaja).

Makluman

2.2.3 Tuan Pengerusi memaklumkan surat makluman mengenai penutupan operasi pelabuhan selama 4 jam akan dimuat naik ke dalam laman web LPK Pelan Kontigensi pada kadar segera.

Tindakan: Sekretariat

2.3 Waktu Operasi Depoh

2.3.1 Pembentangan Jadual Operasi Depoh Kontena Kosong (On-Dock dan Off-Dock)

Tuan Pengerusi memaklumkan semua Depoh Kontena Kosong di Pelabuhan Klang akan beroperasi seperti berikut:

4 Jun 2019 (Selasa)	-	Beroperasi 1 Shif (8.00 pagi – 4.00 petang)
5 – 6 Jun 2019 (Rabu & Khamis)	-	Tutup
7 Februari 2019 (Jumaat)	-	Beroperasi 1 Shif (8.00 pagi – 4.00 petang)

Tuan Pengerusi juga meminta semua pemain industri logistik membuat perancangan awal bagi pengimportan / pengeksportan kargo semasa cuti perayaan ini supaya operasi berjalan dengan lancar khususnya permohonan untuk mendapatkan *demurrage / detention free period* tambahan daripada Ejen Perkapalan.

Tindakan: Ejen Penghantaran / Konsaini

2.4 Notis Makluman Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (Roadban)

2.4.1 Tuan Pengerusi dimaklumkan bahawa Lembaga Pelabuhan Kelang telah menerima Notis Jadual Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (*Roadban*) Sempena Cuti Perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 2019 daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia.

2.4.2 Wakil Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor memaklumkan bahawa Notis Jadual Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (*Roadban*) Sempena Percutian Hari Raya Aidilfitri bagi 2019 akan dikuatkuasa selama 5 hari oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 1-3 Jun dan 8-9 Jun 2019. Beliau memohon industri logistik memastikan segala pematuhan terhadap Jadual Perintah Larangan Pemanduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010.

Makluman

3. HAL-HAL LAIN

3.1 Penerimaan Saman Oleh Pemandu Haulier

3.1.1 Wakil AMH memaklumkan bahawa pemandu Haulier masih menerima saman daripada pihak Polis DiRaja Malaysia walaupun mereka telah mematuhi jadual *roadban* yang telah dikeluarkan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan.

3.1.2 Wakil Pasukan Polis Marin mencadangkan supaya menjemput pihak Cawangan Trafik PDRM Klang Utara dan Cawangan Trafik Klang Selatan bagi menyelesaikan isu berkaitan saman yang dikeluarkan oleh pihak PDRM.

3.1.3 Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan akan menjemput pihak berkaitan di mesyuarat akan datang.

Tindakan: Sekretariat

3.2 Operasi Depoh On-Dock dan Off Dock

- 3.2.1 Wakil AMH memaklumkan Depoh Yi Chun Shipping (ODD) telah memberikan perkhidmatan yang kurang memuaskan. Pihak AMH faham mengenai perpindahan lokasi, walau bagaimanapun masih berlaku kesesakan di depoh tersebut. Beliau juga memaklumkan pihak pemandu enggan berurusan dengan Depoh berkenaan.
- 3.2.2 Wakil AMH juga memaklumkan isu operasi 'over flow' berlaku di depoh *Off-Dock* Greeting Fortune Logistics (M) Sdn. Bhd. Pihak AMH telah menerima emel daripada Depoh berkenaan kepada Presiden AMH dan pihak AMH akan memanjangkan emel berkenaan kepada pihak LPK untuk makluman.

Tindakan: AMH

4 PAPARAN DOKUMEN TAMBAHAN DI DALAM SISTEM E-KONTIGENSI

- 4.1 Tuan Pengerusi memaklumkan pihak LPK akan memuat naik dokumen-dokumen tambahan ke dalam Sistem e-Kontigensi di pautan <http://pkapp.pka.gov.my/contigencyplan/loginanc.php> untuk perhatian semua pengguna pelabuhan seperti berikut:-
- 1) Notis Makluman Berhubung Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan Semasa Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019;
 - 2) Penutupan Operasi Pelabuhan Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019;
 - 3) MAQIS Putrajaya – Makluman Permohonan Permit Sempena Musim Sambutan Hari Raya Aidilfitri; dan
 - 4) Jabatan Perkhidmatan Veterinar WP Kuala Lumpur – Penutupan Kaunter Permit Luar Negara dan Dalam Negara.

5 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 5.1 Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengucapkan Selamat Tahun Hari Raya 2019 kepada semua yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.40 petang

Tarikh disediakan: 28 Mei 2019

ha/josc